

Semua Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri,

(33)dlm.PPT.

10/4/2 CUB

Semua Jurutera Projek,

14 November 1990

Semua Ketua Cawangan/Unit JPS, Kuala Lumpur.

Tuan,

**SURAT PEKELILING JPT.CUB.BIL. 1/1990**  
**PERAKUAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR**  
**BERASASKAN BORANG KONTRAK JKR 203 & 203A**

-----

1.0 **Pendahuluan**

- 1.01 Adalah diperhatikan buat masa ini tidak terdapat peraturan tertentu dalam proses penamatan pengambilan kerja kontraktor dan format yang standard untuk penyediaan perakuan muktamad. Justeru itu didapati ramai Pegawai Penguasa yang menggunakan peraturan dan format tersendiri yang kurang lengkap dan kurang teratur dan berbeza antara satu sama lain.
- 1.02 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan peraturan penamatan pengambilan kerja kontraktor dan penggunaan borang 'Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor' yang standard, lengkap dan teratur.

2.0 **Proses Penamatan**

- 2.1 Tindakan untuk Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor boleh dimulakan jika kontraktor melakukan perkara-perkara berikut:
- (a) Gagal mengemukakan Bon Perlaksanaan dan/atau Polisi-polisi Insurans.
  - (b) Gagal memulakan kerja selepas penerimaan surat tawaran.
  - (c) Apabila timbul perkara-perkara yang dinyatakan dalam fasal 51 Syarat-syarat Kontrak, misalnya enggan mengakui penerimaan/ mengembalikan surat tawaran.

...2/-

2.2 Tindakan apabila berlaku perkara-perkara di atas:

- (a) Surat amaran (lihat panduan di appendix I ) menyatakan kemungkirannya dan niat Kerajaan untuk menamatkan pengambilan kerjanya, hendaklah dikeluarkan oleh Wakil Pegawai Penguasa Pegawai Penguasa. Satu tempoh (biasanya 14 hari) hendaklah diberi kepada kontraktor untuk mengambil tindakan.
- (b) Amaran yang kedua hendaklah diberi oleh Wakil Pegawai Penguasa/ Pegawai Penguasa jika kontraktor gagal mengambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- (c) Jika kontraktor masih gagal mengambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan (14 hari) selepas amaran kedua, Wakil Pegawai Penguasa/ Pegawai penguasa yang berkenaan hendaklah membuat laporan dan cadangan kepada pegawai yang berkuasa untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor (seperti yang dinyatakan dalam lampiran kepada syarat-syarat kontrak).
- (d) Pegawai yang berkuasa untuk menamatkan pengambilan kerja Kontraktor, jika berpuashati dengan laporan dan cadangan hendaklah mengarahkan Pegawai Penguasa mengeluarkan "Notis untuk tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor" (lihat panduan di appendix 1). Tempoh selama 14 hari hendaklah diberikan kepada kontraktor dalam notis tersebut.
- (e) Pegawai Penguasa hendaklah melaporkan kepada pegawai yang berkuasa untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor mengenai tindakan kontraktor dalam tempoh yang diberikan.
- (f) Jika kontraktor masih gagal mengambil tindakan dalam tempoh yang diberikan, pegawai yang berkuasa untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor hendaklah mengeluarkan "Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor" (lihat panduan di appendix II).

2.3 Bagi Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor berdasarkan sebab-sebab dalam syarat-syarat kontrak fasal 51(b), Pegawai Penguasa hendaklah mengemukakan laporan mengenainya kepada pegawai yang berkuasa untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor tanpa perlu mengeluarkan surat-surat amaran dan juga notis bagi tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

...3/-

### 3.0 **Tindakan Selepas Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Dikeluarkan**

- (a) Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan surat untuk mengarahkan kontraktor memberhentikan segala aktiviti di tapakbina.
- (b) Wakil Pegawai Penguasa hendaklah menentukan yang kontraktor dan pekerja-pekerjanya serta wakil-wakilnya tidak memasuki tapak bina dan jika boleh tapak bina hendaklah ditutup.
- (c) Rekodkan keadaan di tapakbina dan buat penilaian bersama bagi kerja-kerja yang disiapkan.
- (d) Pegawai Penguasa hendaklah memastikan semua bangunan sementara, loji, perkakas, kelengkapan barang-barang dan bahan takpasang tidak dikeluarkan oleh kontraktor dari tapak bina, kecuali perkara-perkara yang dibenarkan/ diarahkan secara bertulis oleh Pegawai Penguasa.
- (e) Buat tuntutan Bon Perlaksanaan dan Bayaran Pendahuluan daripada Bank/ Insurans berkenaan.
- (f) Pegawai Penguasa hendaklah memastikan keselamatan kerja-kerja yang telah siap/separoh siap termasuk bahan-bahan serta peralatan yang terdapat di tapak bina.
- (g) Pegawai Penguasa hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan keselamatan orang awam dari bahaya yang timbul daripada kerja-kerja yang terbengkalai.

### 4.0 **Tindakan dan Peraturan Untuk Menyiapkan Kerja Yang Terbengkalai**

- 4.1 Timbangkan dan putuskan cara untuk menyiapkan projek tersebut, sama ada dengan cara:
  - (a) Mempelawa Tender Terbuka
  - (b) Secara sebutharga
  - (c) Laksana secara Jabatan

...4/-

4.1.1 Walau bagaimanapun cara-cara perolehan seperti berikut boleh dilaksanakan dalam keadaan tertentu setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

- (a) Tender terpilih
- (b) Secara rundingan

4.2 Bilamana kerja akan dilaksanakan oleh kontraktor lain peraturan berikut hendaklah diikuti:

4.2.1 Sediakan Dokumen tender/Sebutharga - pastikan skop kerja tidak diubah dan semua syarat-syarat kontrak dan spesifikasi hendaklah sama seperti kontrak asal.

4.2.2 Pastikan pegawai yang menyediakan Dokumen Tender membuat lawatan ke tapak kerja. Baki kerja yang belum disiapkan dan kerjakerja pembaikan serta kuantiti bahan-bahan di tapak bina hendaklah dinyatakan dalam Dokumen Tender.

4.2.3 Proses panggilan dan penerimaan tender hendaklah mengikut amalan biasa di mana berkenaan.

## 5.0 **Tindakan dan Peraturan Untuk Penyelesaian Akaun Dengan Kontraktor Asal**

5.1 Penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor.

5.1.1 Sebaik sahaja taksiran yang semunasabahnya ke atas kos penyiapan muktamad yang akan ditanggung oleh Kerajaan dapat ditentukan, Pegawai Penguasa hendaklah menyediakan perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor dalam format seperti di Lampiran A. Lazimnya ini adalah apabila kontrak untuk menyiapkan kerja yang ketinggalan diawadkan kepada kontraktor baru tanpa menunggu kerja disiapkan.

5.1.2 Mengikut Syarat-syarat Kontrak JKR 203 & 203 A semakan 10/83, Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor menunjukkan di antara lain:

...5/-

Kos ini meliputi:

- (i) Jumlah bayaran Wang pendahuluan,
- (ii) Jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada kontraktor asal;
- (iii) Jumlah bayaran yang kena dibayar kepada subkontraktor, pembekal dsb;
- (iv) Jumlah Harga Kontrak Baru;
- (v) Kos mempelawa semula tender,
- (vi) Kos kerugian kepada Kerajaan;
- (vii) Caj 'on-cost'.

(b) Harga Kontrak Asal Terlaras

Ini meliputi:

- (i) Jumlah Harga Kontrak Asal;
- (ii) Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal;
- (iii) Potongan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan, yang dikenakan terhadap Kontraktor Asal;
- (iv) Potongan-potongan lain yang boleh dikenakan oleh Kerajaan di bawah Kontrak.

5.2 Kiraan Butiran-butiran Dalam Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor.

5.2.1 Jumlah bayaran Wang pendahuluan.

5.2.1.1 Bayaran ini meliputi jumlah bayaran Wang pendahuluan yang telah dibayar kepada kontraktor.

5.2.2 Jumlah bayaran interim

5.2.2.1 Bayaran ini meliputi semua bayaran interim yang telah dibayar kepada Kontraktor Asal berdasarkan Fasal 47 Syarat-syarat kontrak.

5.2.3 Jumlah bayaran yang kena dibayar kepada subkontraktor, dsb.

5.2.3.1 Bayaran ini meliputi semua bayaran yang dibayar kepada subkontraktor atau pembekal berdasarkan Fasal 51(c)(iii)

...6/-

- 6 -

5.2.4 Jumlah Harga Kontrak Baru

5.2.4.1 Ini adalah bayaran yang kena dibayar kepada Kontraktor baru atau

orang lain untuk menyiapkan kerja yang tertinggal. Sekiranya skop kerja yang perlu disiapkan oleh kontraktor baru atau orang lain berbeza dari skop kerja yang asal, (akibat dari tambahan atau kurangan ke atas skop kerja yang asal) pelarasan ke atas Jumlah Harga Kontrak Baru perlu dibuat terlebih dahulu. Dalam keadaan ini, Jumlah Harga Kontrak Baru yang telah dilaras ini hendaklah digunakan dalam kiraan.

#### 5.2.5 Kos Mempelawa Semula Tender

5.2.5.1 Ini meliputi semua kos yang terlibat dalam proses mempelawa tender seperti kos bagi penyediaan semula dokumen tender, bayaran fee perlindungan bagi penyediaan dokumen tender, mengiklan semula tender, mengadakan penjagaan di tapak bina dsb.

#### 5.2.6 Kos Kerugian Kerajaan

5.2.6.1 Kos Kerugian Kerajaan adalah kos kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan akibat projek tidak disiapkan dalam waktu yang ditetapkan dan meliputi kos pengawasan ke atas Kerja yang perlu disiapkan.

5.2.6.2 Kadar Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang terkandung di dalam Kontrak Asal hendaklah digunakan sebagai kadar kos kerugian Kerajaan bagi sehari atau seminggu atau sebulan (bergantung kepada ketetapan dalam kontrak berkaitan).

5.2.6.3 Kadar kos kerugian ini hendaklah didarab dengan jumlah hart yang terlibat dari sehari selepas tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor sehingga ke tarikh siap kerja asal oleh Kontrak baru. Jumlah hari yang terlibat ini meliputi tempoh mempelawa semula tender campur tempoh siap asal kontrak baru. Lazimnya tempoh maksimum yang diperlukan bagi penyelesaian semula tender ialah satu ratus dua puluh (120 hari).

...7/-

5.2.6.4 Tempoh satu ratus dua puluh (120) hari telah ditetapkan sebagai tempoh munasabah maksimum yang diperlukan bagi penyelesaian semula tender, bermula dari sehari selepas tarikh penamatan

pengambilan kerja kontraktor sehingga tarikh milik tapak kontrak baru. Sekiranya tempoh mempelawa semula tender kurang dari tempoh maksimum yang ditetapkan, maka bilangan hari sebenar yang terlibat hendaklah digunakan dalam kiraan kos kerugian Kerajaan. Sebaliknya jika tempoh mempelawa semula tender melebihi tempoh maksimum satu ratus dua puluh (120) hari, tempoh maksimum satu ratus dua puluh (120) hari hendaklah digunakan dalam kiraan kos kerugian Kerajaan.

5.2.6.5 Cara kiraan Kos Kerugian Kerajaan yang dinyatakan dalam perenggan 5.2.6.3 dan 5.2.6.4 di atas adalah khusus bagi kontrak-kontrak di mana tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor adalah selepas tarikh siap asal kontrak atau tarikh akhir lanjutan masa yang diluluskan. Sekiranya tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor adalah sebelum tarikh siap asal kontrak atau tarikh akhir lanjutan masa yang diluluskan maka kiraan Kos Kerugian Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Kadar Kos Kerugian Kerajaan (seperti yang diterangkan dalam perenggan 5.2.6.2) hendaklah didarab dengan jumlah bilangan hari yang terlibat bermula dari sehari selepas tarikh siap asal kontrak atau tarikh akhir lanjutan masa yang diluluskan sehingga ke tarikh siap asal kontrak oleh kontraktor baru.
- (ii) Semakan hendaklah dibuat sama ada tempoh mempelawa tender melebihi tempoh maksimum satu ratus dua puluh (120) hari yang telah ditetapkan sebagai tempoh maksimum yang diperlukan bagi pelawaan tender. Tempoh ini hendaklah dikira seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5.2.6.4 di atas.

...8/-

- 8 -

- (iii) Sekiranya tempoh mempelawa tender melebihi tempoh maksimum, maka bilangan hari yang melebihi tempoh maksimum hendaklah dikeluarkan dari jumlah hari yang terlibat dalam kiraan Kos Kerugian Kerajaan yang

dinyatakam dalam perenggan 5.2.6.5 (i) di atas.

5.2.6.6 Contoh-contoh kiraan Kos Kerugian Kerajaan bagi kontrak di mana tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor adalah selepas dan sebelum tarikh siap asal kontrak atau sebarang tempoh lanjutan yang diluluskan diberikan dalam Lampiran B yang dikepikan bersama Surat Pekeliling ini.

#### 5.2.7 Caj 'On-Cost'

5.2.7.1 Caj 'on-cost' dikenakan ke atas kontraktor bagi maksud membayar balik kos pentadbiran yang ditanggung oleh Kerajaan kerana mempelawa semula tender. Nilai caj ini yang telah dipersetujui oleh Kementerian kewangan ialah 10% daripada Jumlah Harga Kontrak Baru atau jumlah kos yang dibayar kepada kontraktor baru atau orang lain untuk menyiapkan kerja yang tertinggal.

#### 5.2.8 Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras

5.2.8.1 Bagi menentukan Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal seperti dibutiran 5.1.2 b(ii), perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira:

- (a) Semua Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan kepada Kontraktor sebelum pengambilan kerjanya ditamatkan, tidak kira sama ada APK berkenaan telah dilaksanakan atau tidak.
- (b) Perkara-perkara lain yang mengakibatkan pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal seandainya pengambilan kerja kontraktor tidak ditamatkan.

...9/-

### 5.3 Tindakan Dan Peraturan Menyelesaikan Akaun Dengan Kontraktor Asal

5.3.1 Sekiranya didapati Kos Penyiapan melebihi Harga Kontrak Asal Terlaras. Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja

Kontraktor hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor berserta dengan satu surat tuntutan terhadapnya untuk membayar kepada Kerajaan perbezaan tersebut yang merupakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan.

- 5.3.2 Surat tuntutan tersebut hendaklah dihantarkan secara Pos Berdaftar sebaik sahaja nilai ini diketahui tetapi hendaklah tidak lewat dari sembilan (9) bulan selepas kontrak ditamatkan pengambilan kerja kontraktornya.
- 5.3.3 Hantar surat peringatan pertama sekiranya tidak ada tindakan daripada pihak Kontraktor diterima dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat tuntutan tersebut. Surat peringatan ini hendaklah dihantar sebanyak tiga (3) kali, tiap-tiap satu (1) hingga dua (2) minggu sekali. Sekiranya tidak ada sebarang tindakan daripada Kontraktor diterima selepas tiga surat peringatan itu dihantar, rujuk kepada Penasihat Undang-undang di Kementerian Pertanian bagi Projek-projek Persekutuan atau Penasihat Undang-undang Negeri di Negeri bagi projek-projek Negeri untuk mendapatkan nasihat atau tindakan mahkamah jika perlu.
- 5.3.4 Untuk perhatian, tuntutan hanya boleh dibuat sekali sahaja bagi setiap kes penamatan pengambilan kerja kontraktor.
- 5.3.5 Selaras dengan peraturan-peraturan di atas bersama-sama ini dikepilkan format Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor untuk kegunaan tuan-tuan (Lihat Lampiran A).

...10/-

- 10 -

## 6.0 **Tindakan Tatatertib**

Laporkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) mengenai kegagalan Kontraktor untuk diambil tindakan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(IR. D.N. WELCH)

b.p. Ketua Pengarah,

Jabatan Pengairan dan Saliran,

Malaysia.

- s.k.:
- Ketua Pengarah,
  - Penolong Ketua Pengarah (Utara)
  - Penolong Ketua Pengarah (Projek)
  - Penolong Ketua Pengarah (Selatan)
  - Penolong Ketua Pengarah (Teknikal)

SP190.wp

## **Appendix 1**

**A Guide To The Drafting Of Warning Letters  
And Notices Of Intention To Impose Liquidated  
And Ascertained Damages And/Or To Determine The  
Employment of Contractors**

-----

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
------	-------------------------	----------------

<p>A</p>	<p><b><u>Title Of Letter Or Notice</u></b></p> <p><u>AMARAN NO. ..../NOTIS UNTUK TUJUAN</u></p> <p>* .....</p> <p>*a) PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR</p> <p>*b) DAN/ATAU UNTUK MENGENAKAN GANTI RUGI KERANA TAK SIAP</p>	<p>Omit "AMARAN NO:..." or "NOTIS" whichever is appropriate. The word "NOTIS" must be used where having considered the circumstances of the case, it is decided that the Contractor's employment should be determined, and the letter is intended to be the final warning prior to determination. Where the warning is not the final one, the word "NOTIS" should be omitted, and the serial number of the warning stated. Also, state the intention of the letter whichever is appropriate, whether it is (a) - determination only, or it is (a) and (b) - determination and/or imposition of Liquidated and Ascertained Damages.</p>
<p>B</p>	<p><b><u>Details Of The Contract</u></b></p> <p>Kontrak No.: _____</p> <p>Tajuk Kerja: _____</p> <p>Harga Kontrak: _____</p> <p>Tarikh Milik Tapak Bina : _____</p> <p>Tarikh Siap Kerja: _____</p>	<p>Clearly state the Contract number, job title, and Contract Sum. Where the Contract number is not known, it may be omitted. Under "Tarikh Milik Tapak Bina" and "Tarikh Siap Kerja", state the date for possession of the Site and the date or last extended date for completion.</p>

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
<p>C</p>	<p><b><u>Cont'd</u></b></p> <p>(b) <u>Paragraph 1, second sentence</u> Kegagalan tuan itu masih berterusan/berulang sungguh pun tuan telah pun diberi amaran * .....</p>	<p>This second sentence is obviously not necessary if the warning letter is the first one and the Contractor's default has not previously been pointed out to him. Where the Contractor has been previously warned however, the Contractor may continue his</p>

	<p>.....</p> <p>* i) di Mesyuarat Tapak No: ..... ..... pada .....</p> <p>* ii) melalui surat ..... bertarikh .....</p> <p>*iii) di perjumpaan dengan ..... ..... pada .....</p> <p>(c) <b><u>Paragraph 2, first sentence</u></b> Perlakuan tuan sedemikian sangatlah mendukacitakan. Perlakuan tuan bukan sahaja akan/telah melewati penyediaan kerja ini tetapi juga akan/telah mengakibatkan kesusahan kepada orang ramai.</p>	<p>default or repeat a default previously committed but remedied. Omit "berterusan" or "berulang" as appropriate. Also, clearly state where, how and when the Contractor has been previously warned. In (i), (ii) and (iii) the following must be stated:</p> <p>i) - serial number(s) and dated(s) of the site meeting(s) during which the Contractor has been warned,</p> <p>ii) - the designation(s) of the issuing officer(s), and the reference(s) and date(s) of the warning letters,</p> <p>iii) - the designation(s) or name(s) of the officer(s) who met the Contractor, and the date(s) of the meeting.</p> <p>Where two or more of (i), (ii) or (iii) apply, the words `dan juga' should be added wherever appropriate.</p> <p>This sentence is necessary to draw the Contractor's attention to his responsibility not only to J.P.S. alone but also to the public. Omit "akan" or "telah" whichever is appropriate.</p> <p>Clearly state the Contract number, job title, and Contract Sum. Where the Contract number is not known, it may be omitted. Under "Tarikh Milik Tapak Bina" and "Tarikh Siap Kerja", state the date for possession of the Site and the date or last extended date for completion.</p>
--	---	---

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
C	<p><b><u>Cont'd</u></b></p> <p>(d) <b><u>Paragraph 2, second sentence</u></b> Perkara ini tidak seharusnya berlaku memandangkan bahawa tuan telahpun diberi pertolongan</p>	<p>The kind of assistance given to the Contractor must be stated. In (i) and (iii) the following must be stated:</p>

	<p>* .....</p> <p>* i) Untuk mendapatkan bahan-bahan binaan yang dikehendaki seperti .....</p> <p>* ii) dalam bentuk nasihat dan tunjuk ajar untuk mengatasi masalah yang dihadapi di Tapak Bina.</p> <p>*iii) dalam bentuk lanjutan masa selama ..... bulan .....</p> <p>(e) <b><u>Paragraph 3, first sentence</u></b></p> <p>Tuan adalah dikehendaki *.... ..... ..... dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan surat ini.</p> <p>* i) mengemukakan nota-nota liputan berserta resit-resit premium bagi maksud polisi- polisi insuran, kod pendaftaran dengan PERKESO, dan Bon Perlaksanaan dan memulakan kerja.</p> <p>* ii) memulakan kerja.</p> <p>*iii) menjalankan kerja tuan dengan lebih cergas.</p> <p>* iv) memulakan kerja tuan semula.</p>	<p>i) - the type of materials cement, steel bars etc. which we have helped the Contractor to procure,</p> <p>iii) - the length of extension of time which has been granted purely to assist the Contractor.</p> <p>Where two or more of (i), (ii) and (iii) are applicable, the words `dan juga' and `dan' should be added, and/or the words `dalam bentuk' in (iii) should be omitted, where appropriate.</p> <p>State whichever of the Contractor's default is appropriate. Where the Contractor simultaneously defaults in case (i) and (ii), add the words "dan juga" after (i).</p>
--	--	--

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
C	<p><b><u>Cont'd</u></b></p> <p>(f) <b><u>Paragraph 3, second sentence</u></b> Tuan juga dikehendaki mengemukakan sebab-sebab yang menasabah * .....</p>	<p>State whichever is appropriate whether (i) or (ii), or both.</p>

	<p>.....</p> <p>* i) mengapa pengambilan kerja tuan di bawah Kontrak ini tidak patut ditamatkan.</p> <p>* ii) dan/atau mengapa Ganti Rugi Kerana Taksiap tidak patut dikenakan.</p> <p>(g) <b><u>Paragraph 3, third sentence</u></b> Sebarang sebab yang di kemukakan hendaklah disertai kan dengan Jadual Kerja yang realistik dalam bentuk Carta "Bar" atau "PERT" untuk menunjukkan bahawa kerja dapat disiapkan sebelum/pada tarikh siap kerja yang telah ditetapkan pada ..... atau menunjukkan tarikh siap kerja yang baru.</p> <p>(h) <b><u>Paragraph 3, fourth sentence</u></b> Sekiranya tuan gagal mematuhi kehendak perenggan ini * .....</p> <p>* i) pengambilan kerja tuan di bawah Kontrak ini akan ditamatkan sejajar dengan fasal 51 Syarat-syarat Kontrak.</p> <p>* ii) dan/atau Ganti Rugi Kerana Taksiap akan dikenakan sejajar dengan Fasal 40 Syarat-syarat Kontrak.</p>	<p>State the date or last extended date for completion.</p> <p>State whichever is appropriate whether (i) or (ii), or both.</p>
--	---	---

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
C	<p><b><u>Cont'd</u></b></p> <p>(j) <b><u>Paragraph 4</u></b> Tuan juga diingatkan iaitu sekiranya pengambilan kerja tuan ditamatkan, kerja akan disiapkan sejajar dengan Fasal 51(c) Syarat-syarat Kontrat dan segala perbelanjaan berlebihan yang</p>	<p>Warning letters or notices must be copied to all JPS Officers concerned. Omit whichever one is not applicable. Where the warning (notice) is the final one prior to determination include (i) below whichever officer is in the best position to report ie.</p>

	<p>akan timbul hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh tuan.</p> <p><b><u>Circulation Of Letter Or Notice</u></b></p> <p>sk - Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur.</p> <p>- Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Negeri _____ * .....</p> <p>- Jurutera Projek _____ * .....</p> <p>- Pusat Khidmat Kontraktor * .....</p> <p>- Pengurus, Bank/Syarikat Insuran Surat Jaminan No. _____ ada kaitan.</p> <p>* i) Sila beritahu Pejabat ini sama ada kontraktor mematuhi kehendak perenggan tiga (3) di atas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tuan menerima surat ini.</p> <p>* ii) Pemborong di atas berdaftar di dalam kelas _____</p>	<p>the Supervising Officer or the officer to receive the Performance Bond and/or insurance policies. The Pusat Khidmat Kontraktor must also be informed to enable review of and disciplinary action of the registration of the Contractor to be taken. Include (ii) under the same clearly stating the class of registration of the Contractor. The guarantor bank or insurance company (if any) must be kept informed too. It is its "entitlement" to be kept informed under the terms of the guarantee. The reference number of the guarantee must also be clearly stated.</p>
ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
A	<p><b><u>Title Of Notice</u></b></p> <p><b>NOTIS UNTUK PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR</b></p> <p><b><u>Details Of The Contract</u></b></p> <p>Kontrak No.: _____</p> <p>Tajuk Kerja: _____</p>	<p>Note the difference between this title and that of 'intention to determine' in Appendix 1.</p> <p>Clearly state the Contract number, job title, and Contract Sum. Where the Contract number is not known, it may be omitted. Under "Tarikh Siap</p>

B	<p>Harga Kontrak: _____</p> <p>Tarikh Milik Tapak Bina: _____</p> <p>Tarikh Siap Kerja: _____</p> <p><b>Contents Of Notice</b></p> <p>(a) <b><u>Paragraph 1</u></b> Surat kami ..... ..... bertarikh adalah dirujuk.</p> <p>(b) <b><u>Paragraph 2, first sentence</u></b> Dukacita diperhatikan bahawa * ..... dalam tempoh masa empat belas (14) hari yang diberi dalam surat kami tersebut.</p> <p>* i) tuan belum lagi mengemukakan nota- nota liputan berserta resit-resit premium bagi maksud polisi-polisi insuran, kod pendaftaran dengan PERKESO, dan Bon Perlaksanaan.</p> <p>*ii) tuan belum lagi memulakan kerja.</p>	<p>Kerja", state the date for possession of the Site and the date or last extended date for completion.</p> <p>State the refence and date of "The Notice Of Intention To Determine The Contractor's Employment".</p> <p>State whichever of the Contractor's continuing default is appropriate. Where both (i) and (ii) are applied substitute the word "tuan" in (ii) with "dan juga".</p>
---	--	--

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
C	<p>(b) <b><u>Cont'd</u></b></p> <p>*iii) tuan didapati masih tidak menjalankan kerja denga lebih pesatnya.</p> <p>* iv) kerja tuan masih terhenti dan tiada tindakan diambil untuk memulakan kerja semula.</p> <p>(c) <b><u>Paragraph 2, second sentence</u></b></p>	

	<p>* Tiada juga sebarang jawapan atau alasan yang menasabah diterima daripada tuan.</p> <p>* Sungguhpun jawapan tuan diterima alasan yang diberi tidak menasabah.</p> <p>(d) <b><u>Paragraph 2, third sentence</u></b></p> <p>Maka, sejajar dengan Fasal 51(a) Syarat-syarat Kontrak, pengambilan kerja tuan adalah dengan ini ditamatkan.</p> <p>(e) <b><u>Paragraph 3</u></b></p> <p>Kerja akan disiapkan sejajar dengan Fasal 51(c) Syarat-syarat Kontrak, dan tuan adalah dikehendaki menanggung segala perbelanjaan berlebihan yang akan timbul.</p>	<p>State whichever is appropriate.</p>
--	---	--

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
	<p><b><u>Circulation Of Notice</u></b></p> <p>sk - Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur.</p> <p>- Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Negeri _____</p>	<p>The notice of determination must be copied to all JPS Officers concerned. Omit whichever one is not applicable. After determination of the Contractor's employment, action as in (i), or (ii) or (iii) will be required. Insert (i) or (ii) or (iii) under whichever JPS Office is appropriate and convenient. The registrar of the</p>

	<p>* .....</p> <p>- Jurutera Projek</p> <p>_____</p> <p>* .....</p> <p>- Pusat Khidmat Kontraktor</p> <p>* .....</p> <p>- Pengurus, Bank/Syarikat Insuran</p> <p>_____</p> <p>Surat Jaminan No. _____ ada kaitan.</p>	<p>Contractor need to be informed too to update his record of the performance of the Contractor and/or to review or take and disciplinary action on his registration. Insert (iv) under Pusat Kontraktor and clearly stating the class of registration of the Contractor. The guarantor bank or insurance company (if any) must be kept informed too. The guarantee must also be clearly stated.</p>
--	---	--

ITEM	CONTENT AND PHRASEOLOGY	GUIDE ON USAGE
D	<p><b><u>Cont'd</u></b></p> <p>* i) Sila ambil tindakan dengan segera untuk mempelawa tender semula.</p> <p>* ii) Sila ambil tindakan untuk mendapatkan wang cagaran daripada penggerenti Bank/ Syarikat Insuran.</p> <p>*iii) Sila ambil tindakan untuk menuntut</p>	

	<p>balik segala perbelanjaan tambahan daripada Kontraktor sejajar dengan Fasal 51(c) Syarat-syarat Kontrak.</p> <p>* iv) Pemborong di atas berdaftar dalam kelas</p> <p>_____</p>	
--	---	--

**Lampiran `A`**

**PERAKUAN MUKTAMAD KONTRAK YANG  
DITAMATKAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR**

-----

Tajuk Projek :

No. Kontrak :

A. **KOS PENYIAPAN**

(a)	Bayaran Wang Pendahuluan		\$	
(b)	Bayaran Interim			\$
(c)	Bayaran kepada Pembekal/Subkontraktor dll		\$	
(d)	Jumlah Harga Kontrak Baru		\$	
(e)	Kos Mempelawa Semula tender			
	(i) Kos penyediaan dokumen	\$		
	(ii) Kos yuran perunding	\$		
	(iii) Kos iklan	\$		
	(iv) Kos mengadakan jaga	\$		
	(v)	\$		
		-----		
		\$		\$
(f)	Kos Kerugian Kerajaan (Dari ____ ke ____ @\$ /hari)		\$	
(g)	Caj'on-cost' 10% x (d)			\$
				-----
				-----

B. **JUMLAH HARGA KONTRAK ASAL TERLARAS**

(a)	Jumlah Harga Kontrak Asal		\$	
(b)	Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak (Tambahan/Kurangan) *		\$	-----

**TOLAK**



**TOLAK**

D. Rampasan Gerenti Bank/Syarikat insurans  
atas baki Wang Pendahuluan \$

E. Rampasan Bon Perlaksanaan \$

Jumlah Bayaran Yang Perlu Dibayar oleh  
Kontraktor/Kerajaan\* kepada Kerajaan  
Kontraktor\*

\$

-----  
\$  
-----

Tarikh:

.....  
Pegawai Penguasa

\* Potong jika tidak berkaitan.

**Contoh-contoh Kiraan Kos Kerugian Kerajaan**

---

**Contoh A**

Bagi kontrak di mana tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor adalah selepas tarikh siap asal kontrak atau tarikh lanjutan masa yang diluluskan.

**Butir-butir Projek**

Tarikh Milik Tapak Kontrak Asal	:	28.3.1988
Tarikh Siap Asal Kontrak	:	7.11.1988
Tarikh Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor	:	1.12.1988
Tender Semula Dipelawa	:	15.12.1988
Tarikh Milik Tapak Kontrak Baru	:	6.3.1989
Tarikh Siap Asal Kontrak Baru	:	16.10.1989
Kadar Kos Kerugian Kerajaan	:	\$192.00 sehari

**Kiraan**

Tempoh antara Tarikh Siap Asal Kontrak Asal tan Tarikh Siap Asal Kontrak Baru iaitu dari 7.11.88 sehingga 16.10.89. 343 hari.

**Tolak**

- a) Tempoh denda Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan di bawah Kontrak Asal dari 8.11.88 sehingga 1.12.88. 24 hari
- b) Tempoh perlantikan kontraktor baru melebihi 120 hari. \_\_\_\_\_ - 24 hari
- Tempoh kerugian 319 hari

Kos Kerugian Kerajaan = 319 hari @ \$192.00 = \$61,248.00

**Contoh Kiraan Kos Kerugian Kerajaan**  
-----

**Contoh B**

Bagi Kontrak di mana tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor adalah sebelum tarikh siap asal kontrak atau tarikh akhir lanlutan masa yang diluluskan.

**Butir-butir Projek**

Tarikh Milik Tapak Kontrak Asal	:	28.3.1988
Tarikh Siap Asal Kontrak	:	7.11.1988
Tarikh Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor	:	20.7.1988
Tender Semula Dipelawa	:	11.10.1988
Tarikh Milik Tapak Kontrak Baru	:	6.3.1989
Tarikh Siap Asal Kontrak Baru	:	16.10.1989
Kadar Kos Kerugian Kerajaan	:	\$192.00 sehari

## **Kiraan**

Tempoh antara Tarikh Siap Asal  
Kontrak Asal dan Tarikh Siap Asal  
Kontrak Baru iaitu dari 7.11.88  
sehingga 16.10.89.

343 hari.

## **Tolak**

- a) Tempoh denda Ganti Rugi Tertentu  
dan Ditetapkan di bawah Kontrak  
Asal dari 8.11.88 sehingga  
1.12.88
- b) Tempoh peralihan kontraktor  
baru melebihi 120 hari  
iaitu dari 21.7.88 hingga  
6.3.89  
(228 - 120 hari) = 108 hari - 108 hari
- Tempoh kerugian 235 hari

Kos Kerugian Kerajaan = 235 hari @ \$192.00 = \$45,120.00

### 1.0 **Tindakan Selepas Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Dikeluarkan**

- (a) Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan surat untuk mengarahkan kontraktor memberhentikan segala aktiviti di tapak bina.
- (b) Wakil Pegawai Penguasa hendaklah menentukan yang kontraktor dan pekerja-pekerjanya serta wakil-wakilnya tidak memasuki tapak bina dan jika boleh tapak bina hendaklah ditutup.
- (c) Rekodkan keadaan di tapak bina dan buat penilaian bersama bagi kerja-kerja yang disediakan.

- (d) Pegawai Penguasa hendaklah memastikan semua bangunan sementara, loji, perkakas, kelengkapan barang-barang dan bahan takpasang tidak dikeluarkan oleh kontraktor dari tapak bina, kecuali perkara-perkara yang dibenarkan diarahkan secara bertulis oleh Pegawai Penguasa.
- (e) Buatlah tuntutan Bon Perlaksanaan dan Bayaran Pendahuluan daripada Bank/Insurans berkenaan.
- (f) Pegawai Penguasa hendaklah memastikan keselamatan kerja-kerja yang telah siap/separoh siap termasuk bahan-bahan serta peralatan yang terdapat di tapak bina.
- (g) Pegawai Penguasa hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan keselamatan orang awam dari bahaya yang timbul daripada kerja-kerja yang terbengkalai.

## 2.0 **Tindakan dan Peraturan Untuk Menyiapkan Kerja Yang Terbengkalai**

---

- 2.1 Timbangkan dan putuskan cara untuk menyiapkan projek tersebut, sama ada dengan cara:
  - (a) Mempelawa Tender Terbuka
  - (b) Secara sebutharga
  - (c) Laksana secara Jabatan
  
- 2.1.1 Walau bagaimanapun cara-cara perolehan seperti berikut boleh dilaksanakan dalam keadaan tertentu setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.
  - (a) Tender terpilih
  - (b) Secara rundingam
  
- 2.2 Bilamana kerja akan dilaksanakan oleh kontraktor lain peraturan berikut hendaklah diikuti:
  - 2.2.1 Sediakan Dokumen tender/Sebutharga - pastikan skop kerja tidak diubah dan semua syarat-syarat kontrak dan spesifikasi hendaklah sama seperti kontrak asal.
  - 2.2.2 Pastikan pegawai yang menyediakan Dokumen Tender membuat lawatan ke tapak kerja. Baki kerja yang belum disiapkan dan kerjakerja pembaikan serta kuantiti bahan-bahan di tapak bina hendaklah dinyatakan dalam Dokumen Tender.
  - 2.2.3 Proses panggilan dan penerimaan tender hendaklah mengikut amalan biasa di mana berkenaan.

### 3.0 **Tindakan dan Peraturan Untuk Penyelesaian Akaun Dengan Kontraktor Asal**

3.1 Sebaik sahaja taksiran yang semunasabahnya ke atas kos penyiapan muktamad yang akan ditanggung oleh Kerajaan dapat ditentukan, Pegawai Penguasa hendaklah menyediakan perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor dalam format seperti di Lampiran A. Lazimnya ini adalah apabila kontrak untuk menyiapkan kerja yang ketinggalan diawadkan kepada kontraktor baru tanpa menunggu kerja disiapkan.

3.2 Mengikut Syarat-syarat Kontrak JKR 203 & 203A semakan 10/83, Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor menunjukkan di antara lain:

(a) Kos Penyiapan

Kos ini meliputi:

- (i) Jumlah bayaran wang pendahuluan;
- (ii) Jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada kontraktor asal;
- (iii) Jumlah bayaran yang kena dibayar kepada subkontraktor, pembekal dsb;
- (iv) Jumlah Harga Kontrak Baru;
- (v) Kos mempelawa semula tender;
- (vi) Kos kerugian kepada Kerajaan;
- (vii) Caj'on-cost'.

(b) Harga Kontrak Asal Terlaras

Ini meliputi:

- (i) Jumlah Harga Kontrak Asal;
- (ii) Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal;
- (iii) Potongan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan, yang dikenakan terhadap Kontraktor Asal;
- (iv) Potongan-potongan lain yang boleh dikenakan oleh Kerajaan di bawah Kontrak.

- 3.3 Bagi menentukan jumlah kos kerugian kepada Kerajaan seperti di buturan (a) (vi) di atas, Kadar Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages) yang terkandung dalam Kontrak hendaklah digunakan sebagai kadar kerugian Kerajaan bagi sehari atau seminggu atau sebulan (bergantung kepada ketetapan yang dibuat dalam Kontrak berkaitan).
- 3.3.1 Bagi kontrak di mana pengambilan kerja kontraktor ditamatkan selepas tarikh siap asal kontrak atau tempoh lanjutan masa yang dibenarkan, kadar kerugian ini hendaklah didarab dengan jumlah hari yang terlibat dari tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor sehingga tarikh siap kerja oleh kontraktor baru.
- 3.3.2 Bagi kontrak di mana pengambilan kerja kontraktor ditamatkan dalam tempoh kontrak asal atau tempoh lanjutan masa yang dibenarkan, kadar kos kerugian hendaklah didarab dengan jumlah bilangan hari yang terlibat bermula dari sehari selepas tarikh siap asal kontrak atau tarikh akhir lanjutan masa yang diluluskan sehingga ke tarikh siap asal kontrak oleh kontraktor baru.
- 3.3.3 Kedua-dua tempoh yang dinyatakan di perenggan 3.3.1 serta 3.3.2 di atas meliputi tempoh mempelawa semula tender campur tempoh siap kontrak baru. Tempoh maksima yang ditetapkan sebagai tempoh munasabah yang diperlukan bagi pelawaan semula tender (termasuk penyerahan kontrak) adalah 120 hari, bermula dari sehari selepas tarikh penamatan pengambilan kerja kontraktor/tarikh siap asal kontrak tarikh akhir lanjutan masa yang diluluskan, yang mana berkenaan sehingga tarikh milik tapak kontrak baru.
- 3.3.4 Sekiranya tempoh pelawaan semula tender kurang dari **tempoh** maksima, maka jumlah hari sebenar yang terlibat hendaklah digunakan dalam kiraan kos kerugian. Sebaliknya jika tempoh mempelawa semula tender melebihi tempoh maksima, maka bilangan hari yang melebihi tempoh maksima hendaklah dikeluarkan daripada kiraan kos kerugian kerajaan yang perlu ditanggung oleh kontraktor
- 3.4 Bagi menentukan Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal seperti butiran b(ii), perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira:
- (a) Semua Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan kepada Kontraktor sebelum pengambilan kerjanya ditamatkan tidak kira sama ada APK berkenaan telah dilaksanakan atau tidak.
- (b) Perkara-perkara lain yang mengakibatkan pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal andainya pengambilan kerja Kontraktor tidak ditamatkan.

- 3.5 Sekiranya didapati Kos Penyiapan melebihi Harga Kontrak Asal Terlaras, Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor, hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor berserta dengan satu surat tuntutan terhadapnya untuk membayar kepada Kerajaan perbezaan tersebut. Surat tuntutan tersebut hendaklah dihantar secara pos berdaftar seboleh-bolehnya tidak lewat dari sembilan (9) bulan selepas kontrak dimansuhkan.
- 3.6 Hantar surat peringatan pertama sekiranya tidak ada tindakan daripada pihak Kontraktor diterima dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat tuntutan tersebut. Surat peringatan ini hendaklah dihantar sebanyak tiga (3) kali, tiap-tiap satu (1) hingga dua (2) minggu sekali. Sekiranya tidak ada sebarang tindakan daripada Kontraktor diterima selepas tiga surat peringatan itu dihantar, rujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri di Negeri bagi projek-projek Negeri untuk mendapatkan nasihat atau tindakan mahkamah jika perlu.
- 3.7 Untuk perhatian, tuntutan hanya boleh dibuat sekali sahaja bagi setiap kes penamatan pengambilan kerja kontraktor.

**PERINGATAN: PROSEDUR PENAMATAN INI ADALAH BERDASARKAN DRAF SURAT PEKELILING JPT. CUB. BIL. 2/1989. SEBARANG PINDAAN (JIKA ADA) AKAN DIMASUKKAN KE DALAM SURAT PEKELILING YANG DILULUSKAN NANTI.**